

42 peniaga dikenakan tindakan

BERA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Bera bertindak tegas ke atas 42 peniaga membabitkan pelbagai kesalahan dari 1 Januari sehingga kelmarin.

Ketua Cawangan (KPDNHEP) Bera, Mohd Rashad Muhammad Zain berkata, jumlah keseluruhan nilai rampasan pula ialah RM14,342 dan pemeriksaan dilakukan di 1,901 premis.

"Tindakan tegas juga menanti peniaga yang tidak mematuhi peraturan skim harga maksimum musim perayaan Hari Raya Aidilfitri.

"Kita telah mengambil dua tindakan kepada peniaga kerana gagal memperkenan tanda harga," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau turut menasihatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan pada musim perayaan dengan mengadakan jualan murah sesuka hati.

"Ada peniaga yang dikenakan tindakan kerana mengadakan jualan murah tanpa notis kebenaran daripada KPDNHEP.

"Kita tidak menghalang jualan murah tetapi perlu memohon notis jualan murah daripada kementerian," katanya.